

15/07/2002

Qabil gagal pertahan kejuaraan

Mohd Ali Majid

QABIL Ambak gagal mempertahankan kejuaraan acara Show Jumping Grand Prix Piala Perdana 2002 yang berakhir di gelanggang Polo Kelab Bukit Kiara Equestrian Country Resort semalam.

Dalam acara kemuncak kejohanan merebut tropi kejohanan anjuran Kumpulan ARL sempena sambutan ulang tahun kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dia sekadar meraih tempat kedua.

Qabil yang mewakili Kelab 3Q gagal dalam tiga percubaan untuk melepasi 13 halangan yang direka oleh Trevor Gregory dan New Zealand dan pembantunya pereka tempatan Zainuddin Ithnin dalam masa yang dihadkan iaitu dalam masa 95 saat.

Dalam percubaan pertama dengan memacu Penrose Wittcity dia terpaksa menarik diri kerana mendapati kuda berkenaan kurang cergas setelah membuat beberapa lompatan ketinggian 130 sentimeter.

Begitu juga dengan Red Cloud pada lompatan kedua terpaksa mengundurkan diri setelah membuat lompatan pada halangan kelima.

Pada percubaan terakhir dengan Gallium, dia yang baru kembali dari Belgium berjaya membuat lompatan bersih dalam masa 101.31 saat.

Bagaimanapun dia dikenakan enam penalti disebabkan melebihi masa yang dihadkan kelayakan yang ditetapkan iaitu 95 saat.

Qabil berkata walaupun gagal dalam kejohanan kali ini dia gembira kerana dia seorang saja yang berjaya membuat lompatan bersih.

"Saya terpaksa berhati-hati semasa membuat lompatan disebabkan kuda ini masih baru dan saya kurang latihan bersama kerana berada di luar negara sebelum ini, katanya.

Katanya, kegagalan pada kejohanan ini tidak mengecewakan sebaliknya dia berazam untuk bangkit pada kejohanan kelayakan untuk ke Sukan Asia Busan Oktober nanti dan kelayakan Piala Dunia Asia Tenggara di Kelab 3Q di Kuang akhir bulan ini.

Acara grand prix ini yang disertai oleh 14 ekuin tempatan dan luar negara dimenangi oleh ekuin dari Filipina, Danielle Cojuangco yang menunggang Ascot T dalam masa 88.97 saat tetapi dikenakan empat mata penalti kerana satu jump faults.

Tempat ketiga dimenangi oleh ekuin negara dan rakan sepasukan di Sukan Sea 2001 Kuala Lumpur, Azni Azar yang menunggang Grand Slam dengan catatan masa 85.37 saat tetapi dikenakan lapan mata penalti.

Eric Koh yang juga ekuin Sukan Sea 2001 dan pemenang pada Kejohanan Piala Perdana Siri Kedua 2000 di tempat yang sama menduduki tempat keempat dengan catatan masa 86.03 saat tetapi dikenakan 12 mata penalti.

Sementara itu pemenang pingat perak acara menunggang lasak di Sukan Sea 2001, Dr Nik Isahak Wan Abdullah muncul juara pertama kejohanan yang julung kali diwujudkan dalam kejohanan kali ini.

Nik Isahak yang akan menyertai Kejohanan Menunggang Lasak Sedunia di Herez, Sepanyol pada September nanti mencatat masa dua jam 50 minit dalam jarak 23km.

Dengan menunggang Jogho dia melakukan purata kelajuan lapan minit 11 saat (8.11s) untuk satu kilometer.

Hanya lima peserta dari 19 peserta yang berjaya menamatkan larian ini yang diadakan di sekitar kawasan Bukit Kiara yang berbukit dan curam.

Datin Syarifah Manjalara yang menunggang Elsie berada di tangga kedua dengan catatan masa dua jam 51 saat, Ariffah Jaafar dengan kuda Zorro di tempat ketiga (2:52s), Jaafar Harun menunggang Koko (3:24s) dan Dr Kamsiah

Haider dengan Josefa di tempat kelima (3:25s).